

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH JAWAB : 22 SEPTEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyediakan peralatan dan kemudahan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang menjadi *frontliners* untuk menangani pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius kesiapsiagaan, keselamatan, kesihatan awam dan kebajikan *frontliners* sewaktu di lapangan agar berada pada tahap yang terbaik di setiap masa. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diberikan kepercayaan dan tanggungjawab oleh KPKT untuk menyelaras pelaksanaan disinfeksi dan tugas-tugas lain sepanjang pandemik COVID-19. Sehingga **7 September 2021**, JBPM telah mengendalikan sebanyak **66,816 operasi** berkaitan COVID-19 seperti senarai dibawah:

Bil.	Jenis Operasi	Jumlah
1.1	<i>Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR)</i>	8
1.2	Pemindahan mangsa melibatkan <i>Person Under Investigation (PUI)</i> dan <i>Person Under Surveillance (PUS)</i>	6,352
1.3	Pengurusan jenazah COVID-19	1,152
1.4	Disinfeksi bangunan termasuk Pusat Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC) di MAEPS, Serdang dan Melaka	44,337
1.5	Bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)	202
Bil.	Jenis Operasi	Jumlah
1.6	Pemeriksaan keselamatan kebakaran stesen kuarantin	225
1.7	Lai-lain tugas merangkumi:	

	<ul style="list-style-type: none"> a) menghantar dan mengagihkan makanan ke kawasan PKPD; b) menghantar bekalan vaksin menggunakan pengangkutan udara; c) menghantar sampling (<i>swab test</i>); d) penghantaran mayat dari hospital ke pusat sementara dan membantu pengebumian; e) bantuan logistik bagi sebarang pengoperasian seperti Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK); dan f) <i>Greater Klang Valley Taskforce (GKVT)</i>. 	<p>14,540</p>
--	---	---------------

2. KPKT telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam menyediakan peralatan dan kemudahan kepada JBPM seperti berikut:

(i) menyelaraskan peralatan dan kemudahan yang sedia ada JBPM merangkumi di darat, air dan udara;

(ii) membuat perolehan peralatan dan kelengkapan yang diperlukan bagi memastikan perjalanan tugas sepanjang COVID-19 ini dapat dilaksanakan dengan berkesan; dan

(iii) memperkemaskan koordinasi dan kerjasama dari segi bantuan peralatan serta kemudahan inter-agensi termasuk daripada pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Selain itu, KPKT juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM7,403,622.20 yang merangkumi Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) berjumlah RM7,046,702.20 dan sebanyak RM356,920 daripada pihak NADMA bagi tujuan berikut:

(i) membuat perolehan peralatan perlindungan diri (PPE);

- (ii) bahan kimia untuk program sanitasi/ disinfeksi;
- (iii) perolehan bahan api untuk kenderaan melibatkan tugas-tugas COVID-19; dan
- (iv) penyelenggaraan jentera /kenderaan dan peralatan bermotor untuk kerja-kerja COVID-19.

4. Sebagai menghargai sumbangan dan pengorbanan *frontliner* JBPM, KPKT telah memastikan JBPM tersenarai sebagai salah satu agensi kecemasan dan keselamatan yang layak mendapat tuntutan bayaran elaun bulanan khas barisan hadapan. Sejumlah RM4,385,600.00 telah dibelanjakan bagi pembayaran elaun tahun 2020 dan RM6,755,200.00 sehingga bulan Julai tahun 2021.

5. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana turut prihatin berkaitan kelengkapan peralatan dan kemudahan kepada JBPM didalam menjalankan fungsi sebagai *frontliners*.

Sekian, terima kasih.